

30/12/1998

Pelbagai langkah jadikan Malaysia pusat IT

Hizral Tazzif Hisham

SENARIO industri teknologi maklumat (IT) tempatan tahun ini boleh disifatkan perlahan ekoran daripada kesan krisis ekonomi yang melanda rantau Asia tahun lalu.

Namun begitu ia tidak menjejaskan komitmen kerajaan meneruskan pelbagai projek IT yang sudah dirancang di samping pelbagai acara menarik untuk terus merencanakan lagi perkembangan IT di negara ini, khususnya Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perjumpaan kali kedua Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC di Cyberjaya 12 dan 13 Februari lalu membuktikan komitmen mereka tidak berbelah bagi untuk menyaksikan MSC berjaya dilaksanakan seperti yang dirancang.

Seramai 13 ahli IAP MSC hadir pada mesyuarat kedua yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dibantu oleh Setiausaha IAP, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Anggota IAP yang hadir ialah Pengerusi dan Ketua Eksekutif Acer Incorporated, Dr Stan Shih; Pengerusi dan CEO Alcatel Alsthom, Serge Tchuruk; Penasihat Kanan Kajian Strategik dan Antarabangsa Amerika Syarikat, Diana Lady Dougan; Pengerusi dan CEO EDS Corp, Lester M Alberthal, Jr; Presiden dan CEO Ericsson, Lars Ramqvist; Ketua Pegawai Operasi Lucent Technologies, Ben Verwaayan. Pengerusi dan CEO Madge Networks, Robert Madge; Pengerusi Motorola Inc; Gary Tooker; Pengerusi NEC, Dr Tadahiro Sekimoto; Pengarah Urusan Ohmae & Associates, Dr Kenichi Ohmae; Pengerusi Silicon Graphics, Bob Bishop; Prof William Miller (Universiti Stanford) dan Presiden dan Ketua Eksekutif Net Inc, Jim Manzi.